Bil. S 51

## AKTA IKHTISAS PEGUAM
## (PENGGAL 132)

## ATURAN-ATURAN IKHTISAS PEGUAM (KELAYAKAN LAIN), 1999

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 3(2) dan 65(2)*(b)* dari Akta Ikhtisas Peguam, maka Ketua Hakim, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Ikhtisas Peguam (Kelayakan Lain), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada hari yang sama sebagaimana Perintah Darurat (Akta Ikhtisas Peguam) (Pindaan), 1999.

**Kelayakan-kelayakan lain.**

2. Kelayakan-kelayakan yang berikut adalah dengan ini ditetapkan sebagai kelayakan-kelayakan lain bagi maksud-maksud ceraian (2) bab 3 —

*(a)* Surat Akuan Menjalankan Amalan Guaman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan menurut bab 5 dari Akta Profesion Undang-Undang, 1976 Malaysia;

*(b)* ijazah undang-undang yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 25 haribulan September, 1999.

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS
KETUA HAKIM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM